

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 JANUARI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	TNB tanam 13,000 pokok 2016	Berita Harian
2	TNB sasar tanam 13,000 pokok di 13 lokasi tahun ini	Bernamea.com
3	Pengecas mudah alih unik	Utusan Malaysia
4	Gempa bumi kuat di wilayah sempadan India-Myanmar	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 04 JANUARI 2016 (ISNIN)

TNB tanam 13,000 pokok 2016

Melaka: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasaskan menanam 13,000 pokok di 13 lokasi di seluruh Semenanjung tahun ini, selaras dengan komitmen syarikat pembekalan elektrik itu terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin, berkata inisiatif di bawah program *Tree for a Tree* itu, akan membabitkan penanaman 1,000 pokok dengan kos antara RM100,000 dan RM120,000 di setiap lokasi terpilih.

"Program ini selaras dengan slogan TNB, *Better Environment, Brighter Future* dan antara lokasi yang akan dilaksanakan program ini termasuk taman rekreasi dan kawasan tumpuan ramai.

"Inisiatif ini sebenarnya bermula di Kuantan pada Ogos tahun lalu dan Melaka adalah lokasi kedua sebelum diteruskan di Kangar, dan seterusnya di lokasi terbabit," katanya selepas majlis perasmian program *Tree for a Tree* TNB, di Dataran 1Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata, peruntukan itu juga termasuk tajaan bagi menyelenggara dan baja selama tiga bulan, sebelum penjagaan semua pokok itu diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan di lokasi terbabit.

Program itu dirasmikan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Ismail Othman, dan turut dihadiri Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Anggota Parlimen **Tangga Batu Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

BERNAMA



TNB Sasar Tanam 13,000 Pokok Di 13 Lokasi Tahun Ini

MELAKA, 3 Jan (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyasarkan menanam 13,000 pokok di 13 lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia tahun ini, selaras dengan komitmen syarikat pembekalan elektrik itu terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin berkata inisiatif di bawah program 'Tree for a Tree' itu, akan melibatkan penanaman 1,000 batang pokok dengan kos antara RM100,000 dan RM120,000 di setiap lokasi terpilih.

"Program ini selaras dengan slogan TNB, 'Better Environment, Brighter Future' dan antara lokasi yang akan dilaksanakan program ini termasuk taman rekreasi dan kawasan tumpuan ramai.

"Inisiatif ini sebenarnya bermula di Kuantan pada Ogos tahun lepas dan Melaka adalah lokasi kedua sebelum diteruskan di Kangar, dan seterusnya di lokasi terlibat," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian program 'Tree for a Tree' TNB, di Dataran 1Malaysia di sini, Ahad.

Beliau berkata peruntukan itu juga termasuk tajaan bagi menyelenggara dan baja selama tiga bulan, sebelum penjagaan semua pokok tersebut diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan di lokasi terlibat.

Program itu dirasmikan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka Datuk Ismail Othman, dan turut dihadiri [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Anggota Parlimen Tangga Batu Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.](#)

Pada majlis itu, seramai 300 pelajar institusi pengajian tinggi di negeri ini, menanam 1,000 anak pokok antaranya bintangor laut, balau laut, bebaru dan Melaka.

Mohd Aminuddin berkata pemilihan pokok yang akan ditanam bergantung kepada jenis tanah di setiap lokasi terpilih bagi memastikan pokok itu dalam keadaan baik.

"TNB juga akan memantau perkembangan pokok itu selama tiga tahun dan bantuan akan diberikan kepada pihak berkuasa tempatan sekiranya diperlukan," katanya.

Sementara itu, Ismail berkata kerajaan negeri akan menanam kira-kira 40,000 pokok di seluruh Melaka, selaras dengan usaha kerajaan ke arah amalan negeri teknologi hijau pada 2020.

Daripada jumlah itu, katanya kira-kira 20,000 pokok akan ditanam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di beberapa lokasi termasuk di sepanjang Sungai Melaka, manakala selebihnya oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Jasin dan Majlis Perbandaran Alor Gajah.

"Tahap landskap di Melaka dilihat semakin baik dan semua pihak berkuasa tempatan di negeri ini perlu mengambil tindakan serius dalam usaha penjagaan dan pemuliharaan pokok di seluruh Melaka," katanya.

inovasi

Pengecas mudah alih unik

Kasut menang Anugerah Inovasi ASTI-YIM

PENGECAS mudah alih (*power bank*) bentuk kasut yang dicipta oleh sekumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling, Butterworth, Pulau Pinang dipilih sebagai pemenang Anugerah Inovasi Inklusif Persatuan Sains Teknologi dan Inovasi-Yayasan Inovasi Malaysia (ASTI-YIM) yang julung kali diadakan. Kemenangan mereka adalah menerusi salah satu kategori yang dipertandingkan semasa *Cabaran Pereka Cipta Muda 2015* yang diadakan baru-baru ini.

Dianjurkan bersama oleh ASTI dan YIM, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), anugerah tersebut diperkenalkan untuk menggalakkan inovasi dalam kalangan pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun.

Pasukan berkenaan yang dikenali dengan nama *Jaws*, menggunakan sistem dinamo untuk menukar tenaga kinetik, yang dihasilkan oleh pergerakan apabila berjalan, kepada elektrik dan seterusnya

mampu membantu berjuta-juta pengguna mengecas telefon bimbit mereka dengan cara yang paling murah dan mesra alam.

Pengarah Inovasi Inklusif YIM, **Abdul Razak Ahmad** berkata, barisan hakim kagum dengan ciptaan tersebut kerana boleh memanfaatkan kumpulan berpendapatan rendah, terutamanya pelajar, yang mungkin tidak mampu membeli pengecas seumpama itu.

"Walaupun tanpa sebarang latihan formal, pelajar tersebut dapat mencipta kasut alat berkenaan dari peringkat awal bagi memastikan semua orang masih dapat dihubungi walaupun telefon mudah alih mereka berada pada tahap bateri rendah.

"Apatah lagi dengan persekitaran semasa seolah-olah semua orang, tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka, perlu dihubungi pada setiap masa," katanya.

YIM telah dilantik oleh Panel Penasihat Pakar SME Corps Malaysia sebagai agensi peneraju untuk memberi motivasi, mengenal pasti, menyiasat, menerima

WILLIAM SEE (kiri) dan Toh Qin Jun bersama prototaip kasut pengecas mudah alih mereka.

pakai, menaik taraf, mengembangkan dan melaksanakan secara berterusan Inovasi Inklusif iaitu Program Berimpak Tinggi (HIP) yang keenam di bawah Pelan Induk PKS - HIP 6.

Objektifnya adalah untuk menangani jurang dalam kalangan penduduk negara ini dari segi pendapatan dan akses kepada keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan, sumber kewangan dan banyak lagi.

Pemenang kedua adalah Pencipta Inovasi Kurshiah, sekumpulan pelajar perempuan dari Kolej Tunku Kurshiah (TKC), yang menghasilkan ciptaan yang boleh menyerap sehingga 50 peratus karbon monoksida dengan menggunakan tumbuhan *spider* yang dicincang sebagai penapis semula jadi. Tempat ketiga adalah Kumpulan Future dari SMK Datuk Bahaman Kuantan, Pahang, yang memproses biji getah untuk dijadikan bahan makanan.

Setiap kumpulan yang menang masing-masing menerima RM1,000, RM700 dan RM500 beserta sijil penyertaan.

"Ini adalah percubaan pertama YIM dalam memupuk minat terhadap inovasi inklusif dalam kalangan para pelajar.

"Kami gembira dengan apa yang telah dilihat setakat ini dan akan bekerjasama rapat dengan pasukan yang menang untuk membangunkan ciptaan mereka dengan harapan ia boleh dikomersialkan pada peringkat seterusnya.

"YIM pasti akan menaja anugerah ini sekali lagi dan terus bekerjasama dengan ASTI untuk acara mereka pada tahun depan," kata beliau lagi.

Dengan tema *Rekacipta untuk membantu Jutaan Manusia: Menjadikan Dunia Tempat Lebih Baik*, pertandingan tersebut berjaya menarik lebih 199 penyertaan dari rantau ini dan 54 daripadanya telah disenarai pendek untuk peringkat akhir.





Gempa Bumi Kuat Di Wilayah Sempadan India-Myanmar



KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.8 pada Skala Richter melanda Wilayah Sempadan India-Myanmar pada pukul 7.05 pagi ini.

Menurut [Jabatan Meteorologi](#), gempa bumi berkenaan tidak membawa ancaman Tsunami.

Belum ada laporan rasmi mengenai kemalangan jiwa dan kerosakan pada harta benda.

-- BERNAMA